



KERAJAAN MALAYSIA

Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 1999

**JAWATANKUASA IT DAN INTERNET KERAJAAN
(JITIK)**

Jabatan Perdana Menteri Malaysia
1 April 1999

Dikelilingkan kepada:

Ketua-Ketua Setiausaha, Kementerian-Kementerian Persekutuan
Ketua-Ketua Pengarah, Jabatan-Jabatan Persekutuan
Ketua Pengarah/Pengurus Besar Badan-Badan Berkanun
Y.B. Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri
Pihak-pihak Berkuasa Tempatan



JABATAN PERDANA MENTERI MALAYSIA
JALAN DATO' ONN
50502 KUALA LUMPUR

Telefon: 2982066
Kawat: PERDANA
Fax: 2917372

Ruj. Kami: UPTM (S) 07/267/2
Tarikh: 1 April 1999

Ketua-Ketua Setiausaha, Kementerian-Kementerian Persekutuan
Ketua-Ketua Pengarah, Jabatan-Jabatan Persekutuan
Ketua Pengarah / Pengurus Besar Badan-Badan Berkanun
Y.B. Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri
Pihak-pihak Berkuasa Tempatan

Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 1999

JAWATANKUASA IT DAN INTERNET KERAJAAN (JITIK)

Tujuan

1. Pekeliling ini bertujuan untuk menjelaskan mengenai penubuhan Jawatankuasa IT dan Internet Kerajaan (JITIK) dan tindakan yang perlu diambil oleh agensi-agensi Kerajaan.

Latar Belakang

2. YAB Perdana Menteri dalam ucapannya di Majlis Pelancaran Simposium Kebangsaan Kerajaan Elektronik pada 18 Disember 1997 telah bersetuju supaya sektor awam mempunyai satu badan induk untuk menggubal visi dan strategi yang lebih bersepadu bagi pembangunan IT di agensi-agensi Kerajaan. Badan induk ini juga diminta memberi tumpuan kepada perancangan dan pelaksanaan langkah-langkah keselamatan dan penggunaan standard yang bersesuaian bagi pembangunan dasar IT negara yang melibatkan sektor awam.
3. Perubahan besar yang sedang dan akan terus berlaku dalam pengurusan dan pentadbiran Kerajaan berikutan dengan perkembangan pesat IT memerlukan perancangan dan pelaksanaan yang rapi dan terselaraskan. Mekanisme yang sedia ada, walaupun telah dapat menangani program-program utama yang sedang dilaksanakan, masih boleh dimantapkan. Keperluan ini lebih terasa di sektor awam yang terpaksa bergerak lebih rancak merancang dan melaksanakan pelbagai program pembaharuan dalam masa yang agak singkat.
4. Perkembangan pesat IT telah membawa kepada beberapa perkembangan baru dalam pengurusan dan pentadbiran Perkhidmatan Awam. Perubahan paling ketara ialah usaha terkini Kerajaan untuk melaksanakan beberapa aplikasi perdana di

bawah pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC), terutamanya Kerajaan Elektronik, Sekolah Bestari, Kad Pintar Pelbagaiguna dan Teleperubatan. Pelaksanaan aplikasi-aplikasi perdana MSC sebenarnya menjangkau lebih jauh dari semata-mata penggunaan IT. Ia melibatkan perubahan yang menyeluruh kepada cara Kerajaan menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat dan masyarakat perniagaan. Oleh yang demikian, sistem dan prosedur kerja yang ada sekarang perlu diubahsuai atau dirombak semula melalui perekayasaan proses (process reengineering). Ini bermakna keseluruhan program memajukan Perkhidmatan Awam perlu disemak semula dan disusun kembali agar berupaya menggunakan sepenuhnya potensi dan faedah-faedah teknologi maklumat terkini, termasuk kecanggihan multimedia dan kemudahan yang disediakan melalui Internet.

5. Selain itu, satu lagi aspek kritikal yang perlu ditangani segera ialah keselamatan kepada sistem komputer yang dibangunkan. Ini termasuk langkah-langkah menjaga keselamatan fizikal seperti mengelak daripada kemusnahan kerana kebakaran, banjir, kecurian, kilat dan bencana alam yang lain; keselamatan perkakasan dari segi keutuhan perkakasan dan kawalan akses; keselamatan perisian seperti mengawal gangguan dari virus, time bombs dan trapdoors; keselamatan rangkaian seperti menentukan tidak berlakunya information interception, jamming dan hacking; dan tidak kurang penting juga keselamatan dari kebocoran maklumat angkara kerenah manusia atau pengguna.

Rasional

6. Oleh kerana usaha ke arah pembangunan dan penggunaan IT yang lebih meluas di sektor awam ini melibatkan pelbagai agensi Kerajaan di semua peringkat, maka kejayaannya amat bergantung kepada kelicinan penyelarasan dan pemantauan yang rapi dan berterusan. Bagi maksud ini perkara-perkara berikut perlu diberi perhatian:
 - i. Kejelasan dari segi arah tuju dan dasar pembangunan dan penggunaan IT bagi sektor awam supaya sejajar dengan visi dan matlamat negara;
 - ii. Penyediaan dasar dan garis panduan yang lengkap mengenai aspek-aspek penting dalam penggunaan IT, seperti standard, keselamatan, pembangunan sumber manusia, perolehan dan penggunaan Internet;
 - iii. Pembangunan aplikasi dan infrastruktur IT dalam program-program memajukan Perkhidmatan Awam yang terselaras di agensi-agensi Kerajaan dan antara agensi di semua peringkat;
 - iv. Pemantauan yang berkesan ke atas program pembangunan aplikasi dan infrastruktur IT supaya dapat dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan;
 - v. Pewujudan perkongsian pintar di bidang IT antara sektor awam dan swasta;
 - vi. Penggalakan penyelidikan dan pembangunan; dan
 - vii. Pembudayaan IT di kalangan anggota Perkhidmatan Awam.

7. Keperluan-keperluan di atas pada masa ini secara umumnya telah dirangkumi dalam bidang tugas beberapa Jawatankuasa yang sedia ada, tetapi didapati kurang terselaras. Jawatankuasa Pemprosesan Data Negara (National Committee on Data Processing – NCDP) yang diberi tanggungjawab menggubal dasar mengenai pembangunan IT, misalnya lebih tertumpu kepada dasar dan prosedur perolehan dan penggunaan komputer yang berpandukan kepada keperluan sebelum perkembangan pesat bidang IT yang dialami sekarang. Jawatankuasa Perundingan Kebangsaan Mengenai Teknologi Maklumat (National Consultative Council on Information Technology – NCCIT) pula memberi fokus kepada perkongsian kepakaran dan kerjasama di antara sektor awam dan sektor swasta, terutama melalui persidangan kebangsaan dan antarabangsa, didapati masih terasing dari pembangunan IT keseluruhan. Dalam pembangunan infrastruktur, Jawatankuasa Pemandu Rangkaian Telekomunikasi Bersepadu Kerajaan (GITN) diwujudkan khusus untuk mengendalikan pembangunan GITN.
8. Dalam tahun 1994 Kerajaan telah menubuhkan Majlis IT Negara (National IT Council – NITC) dengan matlamat utama untuk meningkatkan pembangunan dan penggunaan IT sebagai satu teknologi strategik ke arah pembangunan negara. Perkembangan terakhir ialah penubuhan Majlis Telekomunikasi Negara (National Telecommunications Council – NTC) pada tahun 1997 berperanan sebagai badan induk dalam menyediakan rangka kerja dasar bagi menangani perkembangan berikutan penyatuan teknologi telekomunikasi, penyiaran dan komputer. Kedua-dua Majlis ini dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri. Mekanisme terkini ialah mengenai pembangunan aplikasi-aplikasi perdana di bawah MSC. Beberapa jawatankuasa baru telah diwujudkan untuk menyelaras dan memantau pelaksanaan setiap aplikasi perdana ini. Antaranya ialah, Jawatankuasa Pemandu Kerajaan Elektronik dan Jawatankuasa Pelaksanaan Kerajaan Elektronik.
9. Perkembangan semasa menunjukkan adalah wajar diwujudkan satu badan induk yang bertanggungjawab menentukan arah tuju, menggubal dasar dan strategi, menyelaras perancangan dan pelaksanaan serta memantau semua program-program pembaharuan yang melibatkan penggunaan IT di sektor awam. Kewujudan saluran formal ini bukan sahaja dapat melicinkan penyelarasan pembangunan IT di sektor awam, tetapi juga menjadi pelengkap kepada NITC dan NTC di peringkat nasional dan bertindak sebagai badan gandingan kepada kedua-dua majlis tersebut dengan tumpuan khusus kepada pembangunan IT di sektor awam. Melalui gandingan ini, maka usaha-usaha ke arah mewujudkan visi, dasar dan strategi pembangunan IT negara dapat terus dipertingkatkan dengan lebih terselaras, bersepadu dan berkesan. Berasaskan kepada rasional ini, Jawatankuasa IT dan Internet Kerajaan (JITIK) telah ditubuhkan pada 6 Februari 1998.

Fungsi JITIK

10. JITIK merupakan mekanisme utama yang bertanggungjawab melaksanakan fungsi-fungsi berikut:

- i. Menyelaras pembangunan IT di sektor awam (termasuk Kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan) dilaksanakan ditahap yang maksima;
- ii. Merancang dan menentukan pelaksanaan langkah-langkah keselamatan dengan penggunaan standard yang berasaskan sistem terbuka (open system); dan
- iii. Mengembangkan dan mengawalselia penggunaan Internet di sektor awam.

Bidang Rujukan JITIK

11. Bidang rujukan JITIK adalah seperti berikut:

- i. Menetapkan visi dan arah tuju bagi pembangunan dan penggunaan IT di sektor awam;
- ii. Mengenalpasti pembangunan strategik dan bidang keutamaan dalam pembangunan dan penggunaan IT di sektor awam;
- iii. Bertindak sebagai penasihat kepada Kerajaan mengenai dasar IT bagi sektor awam berasaskan perkembangan IT semasa dan pembangunan negara;
- iv. Menggubal dasar, strategi dan menyediakan pelan tindakan serta garis panduan bagi pembangunan dan penggunaan IT di sektor awam khususnya mengenai standard, keselamatan, perolehan dan pembangunan sumber manusia dan penggunaan Internet;
- v. Menyelaras dan memantau pelaksanaan program pembangunan aplikasi dan infrastruktur IT di agensi-agensi Kerajaan di peringkat persekutuan dan negeri termasuk di pihak berkuasa tempatan;
- vi. Menggubal strategi bagi 'perkongsian pintar' antara sektor awam dengan sektor swasta dalam bidang IT;
- vii. Memantau pelaksanaan program-program aplikasi dan infrastruktur IT yang diswastakan; dan
- viii. Mengadakan strategi bagi mempercepatkan usaha membudayakan IT di kalangan anggota-anggota Perkhidmatan Awam.

12. Untuk memudahkan perlaksanaan tugas-tugasnya, JITIK boleh menubuhkan lain-lain jawatankuasa yang difikirkan perlu dari semasa ke semasa dan menurunkan kuasa-kuasa tertentu kepada jawatankuasa tersebut. JITIK juga boleh menjemput pakar-pakar lain dari sektor swasta untuk memberi nasihat apabila diperlukan.

13. Urusetia JITIK adalah di tempatkan di Unit Pemodenan Tadbiran Malaysia, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur.

14. Dengan penubuhan JITIK ini, beberapa perubahan telah dibuat ke atas jawatankuasa-jawatankuasa yang sedia, iaitu seperti berikut:

- i. Jawatankuasa Prosesan Data Negara (JPDN) dimansuhkan dan tugas-tugas JPDN yang berkaitan dengan penggubalan dasar dan perancangan dipindahkan kepada JITIK;
- ii. Sebuah jawatankuasa di bawah JITIK yang dinamakan Jawatankuasa Tindakan Pelaksanaan IT (JTPIT) diwujudkan bagi menggantikan

Jawatankuasa Operasi Teknikal (JOT). Jawatankuasa ini dibantu oleh Jawatankuasa Teknikal IT (JTIT) dan Jawatankuasa Latihan dan Pendidikan IT (JLPIT). JTIT menggantikan Jawatankuasa Pentadbiran dan Pelaksanaan (JPP); dan

- iii. Jawatankuasa Perundingan Kebangsaan Mengenai IT dan Jawatankuasa Pemandu GITN dikekalkan dan diletakkan di bawah JITIK.

Keahlian JITIK

15. Keahlian JITIK terdiri daripada:

Pengerusi

Ketua Setiausaha Negara

Ahli

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Ketua Setiausaha Perbendaharaan

Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi

Ketua Pengarah Unit Penyelarasan Pelaksanaan

Ketua Polis Negara

Gabenor Bank Negara

Ketua Pengarah Kesihatan

Ketua Pengarah Pendidikan

Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri

Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan

Ketua Pengarah Jabatan Telekomunikasi Malaysia

Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan Malaysia

Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia

Ketua Pengarah Unit Pemodenan Tadbiran Malaysia

Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar

Ketua Pengarah Bahagian Keselamatan Negara

Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan

Pengerusi Eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia

Ketua Pegawai Eksekutif MIMOS Bhd.

Presiden dan Ketua Eksekutif SIRIM Bhd.

Setiausaha

Timbalan Ketua Pengarah (Teknologi Maklumat) Unit Pemodenan Tadbiran Malaysia

Tindakan-Tindakan Yang Perlu Diambil

16. Semua agensi Kerajaan di peringkat persekutuan, negeri dan tempatan adalah dikehendaki mengambil tindakan-tindakan berikut:

- i. Mengkaji semula semua jawatankuasa yang telah diwujudkan mengenai IT di peringkat agensi masing-masing untuk menentukan supaya ia tidak bertindih dengan fungsi dan bidang tugas JITIK.

- ii. Mengemukakan sebarang cadangan projek IT jangka panjang kepada JITIK untuk penyelarasan dan pertimbangan sebelum pelaksanaan. Ini bertujuan untuk memastikan perancangan yang lebih bersepadu dalam pelaksanaan projek-projek IT di sektor awam.

Pembatalan

17. Dengan pengedaran Pekeliling ini, Pekeliling Am Bil 1 Tahun 1985 adalah dibatalkan.

Kuatkuasa

18. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh penubuhan JITIK, iaitu pada 6 Februari 1998.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



Tan Sri Abdul Halim Ali
Ketua Setiausaha Negara